

**HUBUNGAN ANTARA KEPEMIMPINAN
PENGAJARAN, EFIKASI PENGAJARAN DAN
SIKAP GURU KELAS INTERVENSI AWAL
MEMBACA DAN MENULIS (KIA2M) SEKOLAH
RENDAH DI SABAH.**



MOHD. KHAIRUDDIN ABDULLAH @ JERRY

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**

**HUBUNGAN ANTARA KEPEMIMPINAN
PENGAJARAN, EFIKASI PENGAJARAN DAN
SIKAP GURU KELAS INTERVENSI AWAL
MEMBACA DAN MENULIS (KIA2M) SEKOLAH
RENDAH DI DABAH.**

MOHD. KHAIRUDDIN ABDULLAH @ JERRY

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah dijelaskan sumber-sumbernya.

27 Disember 2010

MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH @ JERRY
PT2006-8054



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH @ JERRY**

NO. MATRIK : **PT2006-8054**

TAJUK : **HUBUNGAN ANTARA KEPEMIMPINAN PENGAJARAN,
EFIKASI PENGAJARAN DAN SIKAP GURU KELAS
INTERVENSI AWAL MEMBACA DAN MENULIS
(KIA2M) SEKOLAH RENDAH DI SABAH.**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH
(KEPEMIMPINAN PENGAJARAN)**

TARIKH VIVA : **27HB OKTOBER 2010**



UMS
DISAHKAN OLEH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA

Profesor Dr. Zulkifli Mohamed

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya, maka tesis ini dapat disiapkan seperti yang telah dirancang.

Dalam menyiapkan kajian ini, saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Dr. Zulkifli Bin Mohamed dan Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid yang telah memberi bimbingan dan nasihat yang amat bermakna. Demikian juga Prof. Madya Dr .Hamzah Md Omar dan Dr. Khalid Hj. Johari yang banyak membantu dan terus meniupkan semangat.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Dekan, Pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Pusat Pengajian Pascasiswazah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Daerah serta guru-guru yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan penulisan tesis ini.

Akhir sekali, terima kasih atas segala doa restu, pengorbanan dan kesabaran ibunda saya Tunga Nong, isteri saya Halimah Khairunnisa Laji dan anak-anak Noor Farah, Khairul Syamil dan Khairul Ridwan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Prestasi ujian penapisan murid tahun satu 2007	11
Jadual 1.2 Perbandingan prestasi KIA2M JPN Sabah 2007	12
Jadual 2.1 Skor ujian penempatan murid	47
Jadual 2.2 Jadual waktu KIA2M	48
Jadual 2.3 Kerangka kerja kepemimpinan pengajaran Weber	62
Jadual 3.1 Jumlah guru BM di Sabah 2007	108
Jadual 3.2 Taburan item kepemimpinan pengajaran guru	110
Jadual 3.3 Taburan item efikasi pengajaran guru	110
Jadual 3.4 Nilai skor min	112
Jadual 3.5 Skor dan pemarkatan skala likert kepemimpinan pengajaran guru	112
Jadual 3.6 Skor dan pemarkatan skala likert efikasi pengajaran guru	112
Jadual 3.7 Nilai skor dimensi kepemimpinan pengajaran	113
Jadual 3.8 Nilai skor dimensi efikasi pengajaran	113
Jadual 3.9 Nilai skor dimensi sikap guru	113
Jadual 3.10 Analisis kebolehpercayaan item	116
Jadual 3.11 Interpretasi hubungan pemboleh ubah	120
Jadual 3.12 Rumusan pengujian hipotesis	121
Jadual 4.1 Taburan responden mengikut jantina	127
Jadual 4.2 Taburan responden mengikut lokasi kajian	128
Jadual 4.3 Taburan responden mengikut kelayakan ikhtisas	128
Jadual 4.4 Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	129
Jadual 4.5 Taburan responden mengikut pengalaman mengajar BM	129
Jadual 4.6 Skor min kepemimpinan pengajaran guru	130
Jadual 4.7 Skor min efikasi pengajaran	131
Jadual 4.8 Skor min sikap guru	131
Jadual 4.9 Perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru mengikut kelayakan ikhtisas	132
Jadual 4.10 Perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru mengikut pengalaman mengajar	133

Jadual 4.11	Perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru mengikut pengalaman mengajar BM	133
Jadual 4.12	Perbezaan skor min efikasi pengajaran mengikut kelayakan ikhtisas	134
Jadual 4.13	Perbezaan skor min efikasi pengajaran mengikut pengalaman mengajar	135
Jadual 4.14	Analisis pos Hoc Turkey HSd bagi skor min efikasi pengajaran mengikut pengalaman mengajar	135
Jadual 4.15	Perbezaan skor min efikasi pengajaran mengikut pengalaman mengajar BM	136
Jadual 4.16	Analisis pos Hoc Turkey HSd bagi skor min efikasi pengajaran mengikut pengalaman mengajar BM	137
Jadual 4.17	Perbezaan skor min sikap guru mengikut kelayakan ikhtisas	138
Jadual 4.18	Perbezaan skor min sikap guru mengikut pengalaman mengajar	138
Jadual 4.19	Perbezaan skor min sikap guru mengikut pengalaman mengajar bahasa Melayu	139
Jadual 4.20	Hubungan kepemimpinan pengajaran guru dan sikap guru	140
Jadual 4.21	Matriks hubungan komponen kepemimpinan pengajaran guru dengan sikap guru	141
Jadual 4.22	Hubungan pengurusan kurikulum dengan sikap guru	142
Jadual 4.23	Hubungan pengurusan pengajaran dengan sikap guru	142
Jadual 4.24	Hubungan iklim pembelajaran dengan sikap guru	143
Jadual 4.25	Hubungan pemantauan kemajuan murid dengan sikap guru	144
Jadual 4.26	Rumusan hubungan kepemimpinan pengajaran dengan sikap guru	144
Jadual 4.27	Hubungan efikasi pengajaran dengan sikap guru	145
Jadual 4.28	Hubungan komponen efikasi pengajaran dengan sikap guru	145
Jadual 4.29	Hubungan efikasi pengajaran dengan kepemimpinan pengajaran	147

Jadual 4.30	Hubungan efikasi pengajaran dengan komponen kepemimpinan pengajaran	147
Jadual 4.31	Jadual matriks hubungan efikasi pengajaran personal dengan kepemimpinan pengajaran	148
Jadual 4.32	Hubungan efikasi pengajaran personal dengan pengurusan kurikulum	149
Jadual 4.33	Hubungan efikasi pengajaran personal dengan pengurusan pengajaran	150
Jadual 4.34	Hubungan efikasi pengajaran personal dengan iklim bilik darjah	150
Jadual 4.35	Hubungan efikasi pengajaran personal dengan pemantauan kemajuan murid	151
Jadual 4.36	Hubungan efikasi pengajaran am dengan kepemimpinan pengajaran	152
Jadual 4.37	Matriks korelasi efikasi pengajaran am dengan komponen kepemimpinan pengajaran	152
Jadual 4.38	Hubungan efikasi pengajaran am dengan pengurusan kurikulum	153
Jadual 4.39	Hubungan efikasi pengajaran am dengan pengurusan pengajaran	154
Jadual 4.40	Hubungan efikasi pengajaran am dengan iklim bilik darjah	154
Jadual 4.41	Hubungan efikasi pengajaran am dengan pemantauan kemajuan murid	155
Jadual 4.42	Analisis Varians (kepemimpinan pengajaran)	156
Jadual 4.43	Analisis Regresi komponen kepemimpinan pengajaran	157
Jadual 4.44	ANOVA Varians (Efikasi Pengajaran)	159
Jadual 4.45	Analisis regresi efikasi pengajaran	160

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Evolusi Teori kepemimpinan	63
Rajah 2.2 Kerangka konseptual kajian	100



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variances Test
BM	Bahasa Melayu
EPA	Efikasi Pengajaran Am
EPP	Efikasi Pengajaran Personal
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IP	Iklm bilik darjah
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KIA2M	Kelas intervensi awal membaca dan menulis
LINUS	Literasi dan numerasi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkasa Bahasa Inggeris
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PK	Pengurusan kurikulum
PP	Pengurusan pengajaran
PKM	Pemantauan kemajuan murid
PMR	Penilaian Menengah Rendah
N	Populasi
S	Saiz Sampel
SK	Sekolah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
2M	Membaca dan menulis

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	<i>vi</i>
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	18
1.10 Kesimpulan	24

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	27
2.2 Falsafah Pendidikan	27
2.2.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	28
2.3 Pendidikan Bahasa Melayu	31
2.3.1 Perkembangan Bahasa Melayu di Malaysia	31
2.3.2 Kurikulum Bahasa Melayu KBSR	39

2.3.3	Matlamat Pendidikan Bahasa Melayu	40
2.3.4	Objektif mata pelajaran Bahasa Melayu	40
2.3.5	Objektif mata pelajaran Bahasa Melayu tahun 1	41
2.4	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis	42
2.4.1	Matlamat KIA2M	44
2.4.2	Objektif KIA2M	44
2.4.3	Organisasi Kandungan KIA2M	45
2.4.4	Strategi Pelaksanaan KIA2M	46
2.5	Kepemimpinan Guru	50
2.5.1	Kepemimpinan Pengajaran Guru	56
2.5.2	Skop dan Fungsi Pemimpin Pengajaran	59
2.5.3	Model Kepemimpinan Pengajaran	61
2.6	Teori-Teori Kajian	62
2.6.1	Teori Kepemimpinan	63
2.6.2	Kepemimpinan Transformasi Guru	69
2.6.3	Teori Interaksi Simbolik	71
2.6.4	Teori Perkembangan Guru	72
2.6.5	Teori Kepemimpinan Pengajaran	73
2.6.6	Teori Efikasi Pengajaran	78
2.7	Kajian-kajian Lepas	81
2.7.1	Kepemimpinan Pengajaran Guru	81
2.7.2	Efikasi Pengajaran	85
2.7.3	Sikap Guru	93
2.8	Kerangka Konsep Kajian	98
2.9	Kesimpulan	100

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	103
3.2	Reka bentuk Kajian	103
3.3	Pemboleh ubah Kajian	105
3.4	Pensampelan Kajian	105
3.5	Instrumen Kajian	109
3.6	Pemarkatan Soal Selidik	111
3.7	Kajian Rintis	113
3.8	Dapatan Kajian Rintis	115
3.9	Keesahan dan Kebolehpercayaan	116
3.10	Prosedur Kajian	116
3.11	Penganalisan Data	118
3.11.1	Statistik Deskriptif	119
3.11.2	Statistik Inferensi	119
3.12	Rumusan Pengujian Hipotesis	121
3.13	Kesimpulan	125

BAB 4: Dapatan Kajian

4.1	Pengenalan	126
4.2	Latar belakang Responden	126
4.2.1	Latar belakang responden mengikut Jantina	127
4.2.2	Latar belakang responden mengikut Lokasi	127
4.2.3	Latar belakang responden mengikut Kelayakan Ikhtisas	128
4.2.4	Latar belakang responden mengikut Pengalaman Mengajar	128
4.2.5	Latar belakang responden mengikut Pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu	129
4.3	Analisis Skor Min	130
4.3.1	Skor min Kepemimpinan Pengajaran	130
4.3.2	Skor min Efikasi Pengajaran	131
4.3.3	Skor min Sikap Guru	131
4.4	Perbezaan Skor Min	132

4.4.1 Kepemimpinan Pengajaran	132
4.4.2 Efikasi Pengajaran	134
4.4.3 Sikap Guru	137
4.5 Hubungan antara Pemboleh ubah	139
4.5.1 Hubungan Kepemimpinan Pengajaran dengan Sikap Guru	139
4.5.2 Hubungan komponen Kepemimpinan Pengajaran dengan Sikap Guru	140
4.5.3 Hubungan Efikasi Pengajaran dengan Sikap Guru	145
4.5.4 Hubungan Efikasi Pengajaran dengan Kepemimpinan Pengajaran	146
4.5.5 Hubungan Efikasi Pengajaran Personal dengan Komponen Kepemimpinan Pengajaran	148
4.5.6 Hubungan Efikasi Pengajaran Am dan Kepemimpinan Pengajaran	151
4.6 Sumbangan Pemboleh ubah	155
4.6.1 Kepemimpinan Pengajaran	155
4.6.2 Efikasi Pengajaran	158
4.7 Keputusan Pengujian Hipotesis	160
4.8 Kesimpulan	162
BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	166
5.2 Rumusan Kajian	166
5.3 Perbincangan	167
5.3.1 Kepemimpinan Pengajaran	167
5.3.2 Efikasi Pengajaran	175
5.3.3 Sumbangan Kepemimpinan dan Efikasi Pengajaran	179
5.4 Sumbangan terhadap Perkembangan Teori Kepemimpinan Pengajaran Guru	181
5.5 Sumbangan terhadap Metodologi	182
5.6 Sumbangan terhadap Profesionalisme dan Organisasi	182
5.7 Implikasi Kajian	183

5.7.1 Implikasi terhadap Sekolah	184
5.7.2 Implikasi terhadap Guru	184
5.7.3 Implikasi terhadap Murid	185
5.8 Cadangan Kajian Lanjutan	185
5.9 Penutup	187

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

HUBUNGAN ANTARA KEPEMIMPINAN PENGAJARAN, EFIKASI PENGAJARAN DAN SIKAP GURU KELAS INTERVENSI AWAL MEMBACA DAN MENULIS (KIA2M) SEKOLAH RENDAH DI SABAH.

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kepemimpinan pengajaran guru, efikasi pengajaran dan sikap guru bahasa Melayu yang mengajar kelas intervensi awal membaca dan menulis (KIA2M) tahun satu sekolah rendah di negeri Sabah. Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap kepemimpinan pengajaran, efikasi pengajaran dan sikap guru berdasarkan kelayakan ikhtisas, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah korelasi-deskriptif. Sampel kajian terdiri daripada 429 orang guru bahasa Melayu yang mengajar kelas intervensi awal membaca dan menulis di seluruh negeri Sabah yang dipilih secara rawak berstarifikasi. Satu set soal selidik yang mengandungi lapan puluh enam item menggunakan skala likert digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Item soal selidik kepimpinan pengajaran guru diselaraskan dengan instrumen yang telah dibangunkan oleh Brophy dan Good (1986), Cremers (1994) dan Yusof Jasmin (2008). Item-item ini juga telah diselaraskan dengan instrumen pemastian standard Kementerian Pelajaran Malaysia. Item bagi mengukur efikasi pengajaran pula telah diadaptasi daripada soal selidik "Teacher Efficacy Scale" (TES) yang dibangunkan oleh Gibson dan Dembo (1984). Manakala soal selidik sikap guru adalah berdasarkan soal selidik yang telah dibangunkan oleh Tanner C.K., Linscott, D.J.V. & Galis, S.A (1996). Data-data dianalisis menggunakan *Statistical Program for Social Science* (SPSS). Kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi seperti min, kekerapan, sisihan piawai, Korelasi Pearson, ANOVA Sehalu dan Regresi Pelbagai dioperasi untuk menganalisis hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan (i) skor min kepemimpinan pengajaran, efikasi pengajaran dan sikap guru berada pada tahap yang tinggi. (ii) analisis korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan pengajaran dengan sikap guru ($r=.58, p<.05$), efikasi pengajaran dengan sikap guru ($r=.44, p<.05$), dan kepemimpinan pengajaran dengan efikasi pengajaran ($r=.45, p<.05$). (iii) analisis ANOVA Sehalu pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan pengajaran dan sikap guru berdasarkan kelayakan ikhtisas, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar bahasa Melayu, dan efikasi pengajaran guru berdasarkan kelayakan ikhtisas. Sebaliknya dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan efikasi pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. (iv) analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa kepemimpinan pengajaran dan efikasi pengajaran mempunyai hubungan yang saling mempengaruhi dengan sikap guru (v) semua komponen kepemimpinan pengajaran yang dikaji iaitu pengurusan kurikulum, pengurusan iklim bilik darjah, pengurusan pengajaran dan pemantauan kemajuan murid memberikan sumbangan terhadap sikap guru. (vi) manakala sumbangan komponen efikasi pengajaran terhadap sikap guru adalah rendah.

ABSTRACT

This study aims to investigate the relationship between teacher instructional leadership, teaching efficacy and attitude of Bahasa Melayu teachers who are teaching in the early intervention in reading and writing (KIA2M) programme for year one pupils in Sabah primary schools. It is also aim to identify the different variable factors, namely teacher instructional leadership and teaching efficacy in influencing the bahasa Melayu teachers' attitude. The quantitative methodology used in this study, comprises of survey and co-relational methods. The respondents in this study comprised of 429 primary school teachers in Sabah. The sample was selected using stratified random sampling technique. A set of questionnaire containing 86 items using Likert Scale was used to measure the respondents' feedback. The items on teacher instructional leadership was adapted from items in the questionnaires designed by Brophy and Good (1986), Cremers (1994) and Yusof Jasmin (2008). These items were also modified according to the Ministry Of Education excellence school standardization instrument. The teacher efficacy items were adapted from "Teacher Efficacy Scale" (TES) questionnaire designed by Gibson and Dembo (1984). While, the questionnaire on teacher attitude was based on questionnaires designed by Tanner, C.K., Linscott, D.J.V. & Galis, S.A. (1996). The data was analyzed using SPSS. Descriptive and inferential statistics comprising of Pearson Correlation, One-way ANOVA and Multiple Regression were used to test the research hypotheses. The findings showed that (i) the mean scores of instructional leadership, teaching efficacy and attitude are at strong level, (ii) Pearson Correlation analysis showed a significant correlation between instructional leadership and teacher attitude ($r=.58, p<.05$), teaching efficacy and teacher attitude ($r=.44, p<.05$), and instructional leadership to teaching efficacy ($r=.45, p<.05$), (iii) A One-way ANOVA analysis showed that there was no significant difference between instructional leadership and teacher attitude based on professional qualification, teaching experience and years of teaching Bahasa Melayu, as well as teacher efficacy and professional qualification. However, the result showed that there was a significant difference in teacher teaching efficacy based on teaching experience and the years of teaching Bahasa Melayu, (iv) Multiple Regression analysis showed that instructional leadership and teaching efficacy influenced teacher attitude, (v) largely, the contributing components of instructional leadership in this study are the management of curriculum, classroom climate, teaching and students' progress evaluation, (vi) however the other components of teaching efficacy showed minimal impact on teacher's attitude.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Hasrat memartabatkan pendidikan bertaraf dunia dan modal insan kelas pertama adalah antara harapan dan cabaran yang harus dipikul oleh golongan pendidik selaras dengan pembangunan negara. Lantaran itu pendidikan yang holistik dan berterusan seperti yang terkandung dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan paksi utama pendidikan negara. Oleh itu sejajar dengan hasrat pembangunan menyeluruh pendidikan, beberapa siri inovasi dan reformasi pendidikan telah berlaku di Malaysia. Menurut Zaleha (2006), sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami tiga gelombang reformasi. Gelombang pertama berlaku sekitar tahun 1960-an, gelombang kedua pada tahun 1980-an dengan pelaksanaan KBSR dan KBSM, manakala gelombang ketiga pula sedang berlaku pada ketika ini iaitu era tahun 2000. Reformasi pendidikan merupakan usaha yang pelbagai ke arah memperbaiki lagi aspek teori dan amali dalam pendidikan. Motif utama reformasi pendidikan adalah untuk meningkatkan kualiti.

Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), evolusi pendidikan di Malaysia telah melalui lima fasa yang bermula semenjak zaman pra merdeka iaitu sebelum tahun 1957, zaman pasca merdeka berlaku antara tahun 1957-1970, zaman Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990, zaman Dasar Pembangunan Negara pada tahun 1991-2000 dan zaman Dasar Wawasan Negara pada tahun 2001-2010. Fasa-fasa tersebut menunjukkan perubahan pendidikan yang berlaku dalam negara ini. Namun demikian kehadiran globalisasi menjadikan persaingan dalam pendidikan lebih kompetitif yang menuntut banyak perubahan dalam setiap aspek kehidupan termasuk pendidikan. Sejak laporan Kabinet 1979, sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan drastik yang ketara seperti memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pelancaran Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Sekolah Wawasan, Sekolah Bestari, Pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI), Kelas

Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), MBMMBI, LINUS, dan seumpamanya.

Namun demikian Zaleha (2006), menyatakan bahawa reformasi pendidikan yang berlaku harus ditangani dengan berhemah dan bijaksana kerana kajian-kajian lepas terhadap inovasi kurikulum KBSR mendapati wujud pelbagai masalah dalam pelaksanaannya. Antara faktor yang menjadi halangannya ialah seperti kekurangan latihan dan profesionalisme staf, pelaksanaan yang terlalu cepat, kawalan secara berpusat, struktur organisasi berhierarki dan sosioekonomi Malaysia pada masa itu. Sehubungan dengan itu pendidikan tidak harus dilihat daripada aspek pengisian atau program semata-mata. Malah lebih penting lagi ialah dengan mengambil kira sejauh manakah falsafah, matlamat dan kandungannya dikuasai kemudian dicanai oleh guru untuk dicerna oleh murid. Oleh kerana guru adalah pemangkin terhadap wadah pembangunan negara bangsa pada masa akan datang, peranan mereka penting dalam membentuk dan mencorakkan modal insan yang boleh menyesuaikan diri serta berupaya bersaing dalam gelombang globalisasi.

Alexander et al. (1996), turut menjelaskan bahawa inovasi pendidikan harus merujuk kepada guru kerana mereka akan mencuba sebaik mungkin untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam semua keadaan inovasi yang hendak dilaksanakan. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa guru-guru sentiasa peka dan bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab mereka walaupun bukan suatu kerja yang mudah meskipun pada zahirnya kelihatan mudah. Tugas dan peranan guru bukan sekadar mengajar dalam bilik darjah. Guru dalam masa yang sama juga merupakan seorang pelajar. Justeru sistem pendidikan yang anjal, dinamik dan sentiasa berubah memerlukan guru yang berkualiti, berintegriti dan mempunyai kesungguhan sendiri yang tinggi di samping sentiasa bersedia untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dalam usaha memacu sistem pendidikan bertaraf dunia.

1.2 Latar belakang Kajian

Pendidikan merupakan suatu wadah yang berupaya mengubah dan menjadikan seseorang individu atau sesuatu bangsa itu dihormati. Negara yang memiliki sistem

sosial, politik dan ekonomi yang teguh akan sentiasa makmur dan disegani. Peranan pendidikan dalam mengangkat martabat negara tidak boleh disangkal. Contoh yang amat jelas dan nyata ialah semasa zaman keagungan tamadun Islam di Timur Tengah. Keagungan tamadun Islam pada zaman itu amat dikagumi dan dicemburui oleh orang asing. Ramai ilmuwan Islam lahir daripada kegemilangan tersebut seperti Ibnu Khaldun, Al Khawarizmi, Imam Shafie dan lain-lain lagi. Perkara seperti ini berlaku kerana ramai pendukung Islam pada ketika itu yang cintakan ilmu.

Keagungan tamadun Yunani suatu masa dahulu juga dikaitkan dengan pendidikan. Masyarakat Yunani telah meletakkan pendidikan sebagai keutamaan dalam kehidupan mereka. Hasil daripada proses pendidikan yang diterima oleh masyarakat Yunani ketika itu telah menjadikan mereka masyhur dan agung. Contoh lain ialah sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Virginia di Amerika Syarikat dalam abad ke-18. Virginia ketika itu bukan merupakan sebuah bandar raya malah tidak terdapat sebuah universiti pun di situ. Namun demikian, beberapa orang pemimpin dan pemikir yang hebat telah dilahirkan dari Virginia seperti Benjamin Franklin (1706-1790), George Washington (1732-1799) dan Thomas Jefferson (1743-1826). Perkara seperti ini terjadi disebabkan oleh tradisi keilmuan yang terdapat dalam masyarakat Virginia ketika itu. Ibu bapa mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pendidikan dan mengarahkan anak-anak mereka agar terus menuntut ilmu pengetahuan.

Dalam konteks pembangunan di Malaysia pula semenjak tahun 1990-an, telah menyaksikan pelbagai peristiwa berlaku dalam negara sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Perubahan aliran ekonomi dalam sektor pengeluaran, pengurusan dan industri telah mencetuskan perubahan terhadap keperluan dan peralihan fokus pendidikan. Menurut Wan Mohd Zahid (1993), dalam tempoh yang sama, banyak perubahan dan pembaharuan telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pembaharuan ini adalah proses reformasi pendidikan yang mengetengahkan idea-idea sebagaimana yang terkandung dalam Wawasan Pendidikan Nasional.

Implikasi perubahan ini membawa bersama inovasi pendidikan antaranya ialah pembentukan Jawatankuasa Kabinet 1974 yang bertujuan untuk menyemak semula dan mengemas kini Dasar Pendidikan Kebangsaan. Jawatankuasa ini telah membuat beberapa syor yang lebih holistik dan futuristik seperti yang terkandung dalam Laporan Kabinet 1979. Ekoran daripada laporan berkenaan, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan pada tahun 1982 diikuti Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Inovasi ini bersifat menyeluruh meliputi isi kandungan, kaedah pengajaran, objektif pengajaran dan pembelajaran, bahan pembelajaran, buku-buku teks, sistem penilaian dan latihan perguruan sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara bagi melahirkan insan seimbang dan berkembang secara holistik meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Dalam konteks perubahan seperti ini, peranan guru adalah sangat penting khususnya dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Mereka adalah individu profesional yang akan memastikan setiap inovasi dilaksanakan dengan berkesan.

Perubahan yang hendak dilakukan perlu seiring dengan pemodenan dan perkembangan teknologi yang bergerak dengan pantas. Justeru sistem pendidikan di Malaysia juga harus memandang jauh ke hadapan dengan melihat dan mengambil kira realiti yang bakal dihadapi. Setiap cabaran perlu ditangani secara berhemah dan penuh bijaksana. Sebarang kelalaian tentunya akan menjejaskan perancangan yang telah dibuat. Beberapa isu dan persoalan besar harus difikirkan dengan mengambil kira pelbagai sudut seperti ekonomi, sosial dan politik. Antara aspek yang harus diberi tumpuan ialah kepemimpinan pengajaran dalam kalangan guru.

Sehubungan dengan itu Wan Mohd Zahid (1993), menjelaskan bahawa pemimpin yang mantap akan dapat mengawal persekitaran yang berubah, bergolak dan mencabar. Pemimpin harus mampu bertahan dan bersaing untuk mencipta kejayaan. Oleh itu aset semula jadi sekolah iaitu guru-guru perlu digerakkan bagi menyokong dan mendorong organisasi sekolah untuk mencapai matlamat dan kecemerlangan yang ditetapkan. Sewajarnya aset ini di manipulasi sepenuhnya untuk membina daya saing positif dan pencapaian cemerlang

sesebuah sekolah. Guru-guru harus bersedia berubah dan mengamalkan budaya kerja berteraskan matlamat yang hendak dicapai.

Menurut Abdul Rashid (2001), kepemimpinan merupakan aspek utama dalam organisasi sekolah. Kepemimpinan harus dijanakan dengan berkesan oleh semua warga sekolah. Dalam konteks kepemimpinan pengajaran pula, guru-guru memainkan peranan penting melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Mereka menterjemahkan hasrat yang ingin dicapai oleh sekolah. Oleh itu guru-guru yang efisien akan berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan tugas pengajaran di sekolah. Kajian-kajian lepas mengenai kepimpinan sekolah menunjukkan bahawa sekolah yang dipimpin oleh guru-guru yang efisien akan membentuk sekolah yang produktif.

Kepemimpinan adalah antara elemen penting dalam usaha menterjemahkan hasrat mengapai pendidikan bermutu dan bertaraf dunia. Salah satu aspek yang perlu diberi tumpuan ialah kepemimpinan pengajaran guru atau "*teacher instructional leadership*". Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kepemimpinan pengajaran telah lama menjadi agenda penting khususnya dalam kalangan pengurus pendidikan namun jarang sekali melibatkan guru-guru. Seseengah pengkaji berpendapat bahawa kepemimpinan pengajaran merupakan salah satu cabang dalam kepemimpinan pendidikan. Manakala terdapat juga pengkaji yang menyatakan bahawa kepemimpinan pengajaran sebagai "*distributed leadership*" iaitu penurunan atau pembahagian kuasa kepada guru-guru sesuatu tugas tertentu yang menjadi keparannya.

Umumnya terdapat banyak tafsiran berkaitan dengan kepemimpinan pendidikan. Demikian juga tanggapan terhadap terma kepemimpinan pengajaran guru. Southworth (2002), menyatakan bahawa kepemimpinan pengajaran telah mula berkembang di Amerika Utara terlebih dahulu berbanding di Britain. Istilah yang sering digunakan di Amerika Utara ialah kepemimpinan pengajaran manakala di Britain mereka lebih gemar menggunakan istilah kepemimpinan pendidikan atau kepemimpinan pedagogi. Manakala kepemimpinan pengajaran guru pula dikatakan sebagai gambaran idea dalam fikiran yang diamanahkan kepada guru-guru untuk

dilaksanakan dalam bilik darjah. Manakala Madsen dan Mabokela (2002), menjelaskan bahawa kepemimpinan ialah ciri-ciri peribadi yang dimanipulasikan untuk mempengaruhi orang di bawahnya. Dalam konteks kepemimpinan pengajaran guru senario tersebut dijelaskan melalui tindakan yang diambil oleh guru-guru ketika menjalankan tugas pengajaran dalam bilik darjah seperti menyampaikan pengajaran, membimbing, mengasuh dan mempengaruhi murid-murid untuk mempelajari kemahiran yang harus mereka kuasai.

Smith (2001), menyatakan bahawa kepemimpinan pengajaran ialah kepelbagaian kerjasama dan kajian kritikal berkaitan dengan interaksi dalam bilik darjah yang bertujuan untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kepemimpinan pengajaran bukan sahaja dilihat melalui peranan yang perlu dijalankan oleh guru dalam bilik darjah tetapi juga melibatkan kerjasama dalam pelbagai tugas lain untuk meneruskan kelangsungan proses pembelajaran murid di sekolah sama ada secara formal ataupun informal.

Pajak (1989), pula menjelaskan bahawa kepemimpinan pengajaran ialah amalan untuk memperkukuhkan secara khusus penentuan perlakuan dan kemahiran guru, membuka ruang dialog berkenaan masalah yang berlaku semasa pengajaran dalam bilik darjah, perkembangan kurikulum dan staf serta membantu guru membina pengetahuan profesional dan kemahiran tinggi. Ini sekali gus menunjukkan bahawa aspek kepemimpinan pengajaran guru mempunyai skop yang luas seperti perancangan kurikulum dan perkembangan profesionalisme keguruan. Walaupun demikian, sejauh manakah kepemimpinan pengajaran guru memberi impak terhadap proses pembelajaran murid sering kali dipersoalkan khususnya apabila keputusan peperiksaan awam diumumkan. Oleh itu penelitian yang lebih mendalam dan tersebar perlu dilakukan berhubung dengan perkara ini.

Selain daripada aspek kepemimpinan pengajaran guru, isu-isu lain yang turut diberi perhatian ialah seperti efikasi pengajaran guru. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa efikasi pengajaran memainkan peranan yang besar dalam pembentukan sikap guru. Secara umumnya efikasi pengajaran boleh difahami sebagai persepsi seseorang guru terhadap kebolehan dirinya sebagai guru. Konsep